



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 22 Januari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **UMUM**

RICE CARTEL ALLEGATIONS

Govt combing through issues in rice industry

RAWANG: The government is looking into the allegations of a plot within the nation's sole rice importer, Padibernas Nasional Bhd (Bernas), concerning white rice cartels.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the ministry, however, would not jump to any conclusion as investigations were ongoing.

He also said the ministry would review the need to restructure the rice supply system in the country, which was last reviewed in 2008 following the alleged plot.

He said this during a site visit to the Aquaculture Resource Centre Sdn Bhd here yesterday.

Mohamad was responding to claims made by the Malaysian Bumiputera Rice Association earlier this week over feedback from its members on the unavailability of white rice from Bernas.

Its president, Ismail Awang, had also questioned the rice importer on the unavailability of white rice supply directly from Bernas, despite it being found in supermarkets.

Such a situation, said Ismail, had implied there was an alleged plot within Bernas and that the rice-cartel issue was bona fide.

Bernas is Malaysia's sole rice importer since 1996 and its concession agreement with the government — worth RM2.316 bil-

lion — has been extended twice, with the latest ending in 2031.

Despite calls from relevant parties to revoke the concession agreement, Mohamad in October last year reportedly said Bernas' role as the national rice importer was still relevant to address the rice supply issue.

On the same matter, Mohamad said current issues plaguing the country's rice and padi industry were still at the discussion stage between the Malaysian Competition Commission and Padi and Rice Monitoring Office.

Any punishments to those found guilty over rice cartel-related issues will be decided by the regulatory council.

He added that the ministry would also concentrate on the production of high-quality padi seeds in the country this year following the distribution of low-quality seeds to farmers.

Acknowledging the problems related to padi seeds in the country, Mohamad said the ministry would also develop a plan to ensure that quality seeds stockpile were sufficient and could last up to six months.

This, he said, was also part of the ministry's aim to ensure that the self-sufficiency rate of padi and rice could reach 75 per cent this year, in line with the ministry's aim to improve and enhance the existing padi mechanism.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Dakwaan wujud 'permainan' dalam BERNAS disiasat

Kementerian kaji keperluan struktur semula beras padi

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Rawang: Siasatan sedang dilakukan berhubung dakwaan wujud 'permainan' tertentu di dalam Padi-Beras Nasional Bhd (BERNAS) berkaitan isu stok beras putih tempatan.

Mengesahkan perkara itu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata beliau tidak mahu menuduh sesiapa terbabit, namun memandang serius perkara itu.

"Kita tengah siasat. Apa sahaja perkara boleh berlaku. Apa pun kerajaan sedang melihat keperluan menstruktur semula struktur beras padi kerana kali terakhir ia distrukturn semula pada 2008, apakah ia perlu dikaji semula."

"Jadi pihak kerajaan akan menilai semula dari sudut pengkajian semula struktur organisasi hal beras di Malaysia," katanya selepas melawat ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd sempena program Santa Akuakultur Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bersama Media di sini, semalam.

Yang hadir sama Ketua Pe-



Mohamad meninjau projek ternakan ikan ketika melawat ARC Berkat Agrofood sempena program Santa Akuakultur Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bersama Media, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

ngarah Perikanan, Datuk Adnan Hussain.

Baru-baru ini, Presiden Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (BARIM), Ismail Awang dilaporkan berkata wujud 'permainan' tertentu di BERNAS dan tidak menolak dakwaan wujud isu kartel dalam industri itu.

Beliau mendakwa sebahagian besar pasar raya mendapat bekalan menjual beras putih tempatan, namun apabila ahli BARIM mahu mendapatkannya dari agensi itu, dimaklumkan stok tiada.

Berhubung dakwaan benih padi diedarkan kepada pesawah tidak berkualiti, Mohamad mengakui perkara itu memang berlaku.

"Saya akui (isu) benih padi ini sentiasa dalam permasalahan. Jadi kita akan menangani masa-

lah itu dengan cara terbaik," katanya.

Hasil pertemuan MyCC, KPB

Mengenai pertemuan antara Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dengan Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) berhubung isu berkaitan industri padi dan beras, Mohamad berkata, perkara itu sedang pada peringkat perbincangan.

"Semua pihak perlu bersabar kerana ia masih pada peringkat perbincangan dan siasatan awal," katanya.

Mohamad turut memaklumkan kerajaan serius berkaitan kadar sara diri (SSR) beras negara dan berazam untuk mencapai sasaran seperti ditetapkan.

Katanya, kementeriannya

menyasarkan kadar SSR beras akan ditingkatkan kepada 75 peratus menjelang 2025.

Mengenai inisiatif SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB), Mohamad berkata, kementeriannya juga menekankan peningkatan hasil melalui sawah secara tradisi.

Katanya, kementerian kini menggalakkan pembabitan swasta.

"Esok (hari ini) saya bersama Yang di-Pertuan Agong akan melihat penanaman padi di Pekan yang dibuat dengan kerjasama swasta," katanya.

Mengenai pencapaian sektor penternakan akuakultur, Mohamad berkata, ia mencapai sasaran pengeluaran SSR membabitkan 500,000 tan.

Pengilang sedia beri kerjasama, maklumat siasat kartel padi

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

KANGAR: Gabungan Pengilang Beras Malaysia sedia memberi kerjasama dan maklumat kepada Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi menyiasat segera isu berkaitan wujudnya kartel yang dimonopoli oleh empat hingga lima syarikat besar dalam menentukan harga padi, beras serta pembekal benih.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, pihaknya sedia memberi kerjasama dalam membantu menyelesaikan isu kartel berkenaan yang sudah wujud sejak sekian lama.

Katanya, kartel-kartel yang merangkumi syarikat dan kilang besar berkenaan telah mewujudkan persaingan sekali gus mengawal harga padi di pasaran.

"Kita sedia bagi kerjasama dan maklumat yang diperlukan untuk siasat kartel-kartel ini. Isu kartel ini perlu diselesaikan, jika tidak masalah sama sahaja berulang setiap kali," katanya.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, Bahagian Pengawalan Padi dan Beras mengadakan mesyuarat dengan MyCC kelmarin bagi menyiasat

'Mafia' tentukan harga padi, beras, benih

GABUNGAN PENGILANG BERAS MALAYSIA



Marzukhi Othman
President of Gabungan Pengilang Beras Malaysia. He said his organization was ready to cooperate with the Competition Commission of Malaysia (MyCC) to resolve the issue of a cartel in the rice industry.

UTUSAN
Malaysia
4 Januari
2024.



segera isu berkaitan dakwaan wujud kartel yang menekan nasib pesawah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Azman Mahmood disaporkan berkata, sekiranya didapati ada pemegang lesen berkaitan padi dan beras gagal mematuhi syarat atau melanggar peraturan ditetapkan, mereka akan dikenakan kompaun atau didakwa di mahkamah.

Kata Azman, bagi pemegang lesen padi benih pula, lesen mereka akan dibatalkan kalau melanggar syarat.

Sebelum itu, *Utusan Malaysia* mendedahkan mengenai kewujudan kartel yang menekan nasib pesawah dengan

Gabungan Pengilang Beras Malaysia mendakwa ada yang dimonopoli oleh empat hingga lima syarikat besar dalam menentukan harga padi, beras serta pembekal benih.

Malah, dakwa Marzukhi, kartel dalam industri beras negara ini juga sedang menipu pengguna dan kerajaan sekali gus menyaksikan kelemahan penguasa yang tidak berupaya menentukan antara beras tempatan dan import.

Kata Marzukhi, kartel yang dimonopoli syarikat-syarikat besar yang mempunyai kilang-kilang padi serta pemborong sendiri di bawah penguasaan mereka wujud sejak sekian lama.

Ujar beliau, isu kekurangan beras berlaku apabila mereka menukar gred atau mencampur beras tempatan menjadi import sekali gus menguat lebih keuntungan.

Dalam pada itu, Marzukhi mengemukakan cadangan selain daripada menyeragamkan beras menjadi satu gred sahaja, kerajaan juga perlu menetapkan harga maksimum belian padi.

Katanya, ketika ini, harga lantai yang ditetapkan adalah RM1,300 dengan kilang-kilang besar ini bersaing menaikkan harga padi.

"Apabila kartel-kartel yang bersaing membeli padi dengan harga tinggi itu kemudian memanipulasi dengan menukar gred beras untuk mendapat keuntungan. Tetapan harga maksimum belian padi RM1,300 dan perlu diikuti oleh semua kilang-kilang," katanya.

Sementara itu, seorang pesawah, Mohd. Nazri Subuh,48, berkata, tindakan perlu segera dikenakan terhadap kartel-kartel yang sememangnya sudah bertapak sekian lama.

"Siasatan perlu dilakukan secara lebih serius bagi menyelesaikan isu kartel padi ini yang terus menekan pesawah. Penguasaan perlu lebih tegas untuk menyelesaikan isu kartel ini," katanya.

BARIM DAKWA ADA 'PERMAINAN' PIHAK DALAM DI BERNAS

'Kita tidak mahu tuduh sesiapa'

Oleh Amir Abd Hamid
dan Amirul Aiman
Hamsuddin
am@hmetro.com.my

Rawang

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPBM) akan menyiasat dakwaan Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim) mengenai 'permainan' pihak dalam Padiberas Nasional Bhd (Berna) berkait isu beras.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, pihaknya bagaimanapun tidak mahu menuduh sesiapa dan sebarang tindakan lanjut akan dibuat berdasarkan hasil siasatan.

"Itu saya kata dalam siatan, saya tidak mahu menuduh sesiapa, tetapi kita memandang serius apa saja perkara."

"Ataupun struktur hal beras dan padi itu yang di-

Tidak mahu tuduh, tetapi pandang serius apa saja perkara
Mohamad Sabu



MOHAMAD (kiri) melawat ladang pembentahan dan ternakan ikan air tawar ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd di Rawang.

bentuk pada 2008, apakah perlu dikaji semula.

"Jadi (mungkin) pihak kerajaan akan menilai semula dari sudut pengkajian semula struktur organisasi hal beras di Ma-

laysia," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas melawat ARC Berkat Agrofood Sdn Bhd sempena program Santai Akuiti Yang Berhormat

Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan Bersama Media, di sini, semalam.

Sementara itu, Mohamad juga mengulas dakwaan mengenai benih padi sah

yang tidak bermutu diedarkan kepada pesawah sejak 10 tahun lalu.

"Saya akui (isu) benih padi ini sentiasa dalam permasalahan. Jadi kita akan menangani masalah itu de-

ngan cara terbaik," katanya.

Mengenai pertemuan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) dengan Pejabat Kawalselia Padi dan Beras (KPB) pada Jumaat lalu bagi perbincangan mengenai isu-isu berkaitan industri padi dan beras, Mohamad meminta semua pihak bersabar kerana ia masih di peringkat perbincangan dan siasatan.

Portal Harian Metro pada 12 Januari lalu melaporkan Presiden Barim, Ismail Awang dilaporkan berkata, ada *games* (permainan) tertentu di dalam Bernas dan pendekatan persatuan pengilang padi berhubung dakwaan berlaku isu kartel mungkin benar berlaku.

Manakala, Pengurus Persatuan Pengilang-Pengilang Beras Melayu Malaysia, Mohamad Termizi Yop dilaporkan berkata, selepas 10 tahun pihak berkenaan mengeluarkan benih padi sah yang dikatakan bermutu kepada pesawah sejak 10 tahun lalu.

"Saya akui (isu) benih padi meningkat namun apa berlaku sekarang hasil padi menurun."

Mat Sabu: Govt to address cartels claims in rice system

KUALA LUMPUR: The possibility of restructuring of the existing rice system is being examined to address claims of irregularities and cartels, says Agriculture and Food Security Minister Daruk Seri Mohamad Sabu.

He said the ministry viewed seriously the allegations of the existence of rice cartels or occurrence of "games" by certain parties in the sector.

"We view this (rice issue)

seriously and will do whatever we can, including the restructuring of the rice and padi system, whether it needs to be reviewed the government will reassess from the point of view of the structure of the rice organisation in Malaysia," Mohamad said during a working visit to a freshwater fish pond in Rawang yesterday, Bernama reported.

The Bumiputera Rice Associa-

tion of Malaysia (Barim) had made the allegations of games and cartels within the industry.

Barim president Ismail Awang reportedly said that association members did not receive local rice supplies from Padiberas Nasional Bhd (Bernas) while most supermarkets received their supplies.

Mohamad said several industry-related issues were still being discussed between the Malaysian

Competition Commission (MyCC) and Kawalselia Padi dan Beras (KPB).

"Right now, these (issues) are still in the discussion stage and if there are any irregularities, action will be taken. But we will wait for the results of the investigation," he said.

Meanwhile, in relation to the aquaculture industry, Mohamad said the ministry had set the industry's production target at

500,000 tonnes for this year.

He also said this could be achieved by empowering revenue resources, which are 60% in aquaculture and 40% in capture fishery.

At the same time, Mohamad added that the campaign to increase people's interest in freshwater fish products needed to be intensified in order to further increase the demand for these products.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 22 JANUARI 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-Jan	Cubaan seludup diesel ke Thailand gagal	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/645237	SINAR HARIAN
22-Jan	KPDN patahkan cubaan seludup 3,150 liter minyak diesel ke Thailand	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2263867	BERNAMA
22-Jan	Dua lelaki kantoi leka isi minyak diesel dalam tong dram	https://www.sinarharian.com.my/ampArticle/645175	SINAR HARIAN
22-Jan	Penangguhan penguatkuasaan dedah maklumat bengkel beri peluang pengusaha buat persediaan	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/19/penangguhan-penguatkuasaan-dedah-maklumat-bengkel-beri-peluang-pengusaha-buat-persediaan	UTUSAN BORNEO
22-Jan	Waqaf Felda terima Klinik Bergerak untuk peneroka	https://malaysiagazette.com/2024/01/19/waqaf-felda-terima-klinik-bergerak-untuk-peneroka/	MALAYSIA GAZETTE
22-Jan	Jualan Rahmah Bergerak dilaksanakan, bantu penduduk Labuan	https://www.wilayahku.com.my/jualan-rahmah-bergerak-dilaksanakan-bantu-penduduk-labuan/	WILAYAHKU
22-Jan	KPDN rangka strategi kukuhkan penguatkuasaan di pintu masuk sempadan negara	https://my.lifenewsagency.com/2024/01/20/kpdn-rangka-strategi-kukuhkan-penguatkuasaan-di-pintu-masuk-sempadan-negara/	LIFE NEWS AGENCY
22-Jan	KPDN Labuan laksana 84 Program Jualan Rahmah sepanjang 2023	https://sabahnewstoday.net/kpdn-labuan-laksana-84-program-jualan-rahmah-sepanjang-2023/	SABAH NEWS TODAY
22-Jan	Firms urged to support BTC's retort food initiative	https://www.dailyexpress.com.my/news/227391/firms-urged-to-support-btc-s-retort-food-initiative/	DAILY EXPRESS
22-Jan	Sayang cooking oil no longer available in Kunak, Semporna	https://www.dailyexpress.com.my/news/227370/sayang-cooking-oil-no-longer-available-in-kunak-semporna/	DAILY EXPRESS
22-Jan	PKPS tambah jenis produk JER, sasar nilai jualan RM60 juta tahun ini	https://selangorkini.my/2024/01/pkps-tambah-jenis-produk-jer-sasar-nilai-jualan-rm60-juta-tahun-ini/	SELANGOR KINI